



24 Jun 2024  
24 June 2024  
P.U. (A) 167

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)  
(ETIKA MEMBUAT PUBLISITI) 2024

*SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)  
(ETIQUETTE OF PUBLICIZING) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (ETIKA MEMBUAT PUBLISITI) 2024

---

SUSUNAN KAEDAH

---

Kaedah

1. Nama
2. Tafsiran
3. Maklumat yang diluluskan
4. Membuat publisiti amalan Peguam Syarie
5. Kandungan publisiti
6. Cara membuat publisiti
7. Kepala surat dan alat tulis
8. Iklan dalam direktori undang-undang dan direktori bukan undang-undang
9. Papan nama
10. Direktori bangunan
11. Kad perniagaan
12. Brosur, lembaran dan risalah
13. Jurnal, majalah dan surat berita
14. Edaran dan pameran
15. Notis
16. Rekod untuk pemeriksaan
17. Temu bual dengan pihak akhbar, radio dan televisyen
18. Penyertaan dalam seminar, persidangan, forum, dsb.
19. Kad ucapan
20. Publisiti anak guam
21. Buku, dsb., yang ditulis oleh Peguam Syarie
22. Nasihat guaman percuma
23. Tanggungjawab Peguam Syarie berhubung dengan publisiti mengenainya

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (ETIKA MEMBUAT PUBLISITI) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Majlis Peguam Syarie, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama**

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Etika Membuat Publisiti) 2024**.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“firma” ertinya suatu pemunyaan tunggal atau suatu perkongsian Peguam Syarie;

“maklumat yang diluluskan” ertinya maklumat yang diluluskan di bawah kaedah 3;

“membuat publisiti” ertinya pemberitahuan kepada orang awam dengan apa-apa cara, termasuk melalui—

- (a) iklan yang disiarkan dalam mana-mana surat khabar, jurnal, majalah, buku, buku kecil, direktori atau penerbitan lain;
- (b) iklan yang terkandung dalam mana-mana surat, brosur, buletin, kad perniagaan, lembaran, papan nama, surat berita, notis, risalah, kepala surat atau alat tulis yang digunakan bagi maksud profesional; atau

- (c) iklan yang dihantar ke, dimuat naik dalam atau disampaikan melalui mana-mana media elektronik yang boleh diakses oleh orang awam atau mana-mana golongan orang awam.

**Maklumat yang diluluskan**

3. (1) Bagi maksud publisiti di bawah Kaedah-Kaedah ini, maklumat yang diluluskan adalah seperti yang berikut:

- (a) nama firma;
- (b) alamat firma;
- (c) nombor telefon dan faksimile, alamat elektronik dan laman sesawang firma;
- (d) waktu perniagaan firma;
- (e) tahun yang firma atau pendulunya dalam hak milik ditubuhkan;
- (f) penggabungan atau penyekutuan firma itu dengan mana-mana firma lain, sama ada di Malaysia atau di tempat lain;
- (g) data sejarah firma atau pendulunya dalam hak milik;
- (h) jawatan “Peguam Syarie” atau “perunding”;
- (i) bidang amalan yang firma atau Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firma itu terlibat;
- (j) kemahiran berbahasa seseorang Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firma;

- (k) nama Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firma dan sama ada dia merupakan seorang tuan punya tunggal, rakan kongsi atau perunding firma itu;
- (l) tahun seseorang Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firma diterima masuk sebagai Peguam Syarie dan sama ada dia telah diterima masuk sebagai Peguam Syarie di dalam bidang kuasa yang lain; dan
- (m) kelayakan akademik dan profesional Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firma, dan apa-apa pingat, bintang kehormatan, merit atau gelaran yang dianugerahkan kepadanya.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Majlis Peguam Syarie boleh, atas permohonan bertulis mana-mana Peguam Syarie, meluluskan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang difikirkannya wajar.

### **Membuat publisiti amalan Peguam Syarie**

4. Seseorang Peguam Syarie boleh membuat publisiti, dan boleh membenarkan mana-mana pekerjaanya atau mana-mana orang lain untuk membuat publisiti, mengenai amalannya dan amalan firmanya tetapi tidak boleh membuat publisiti mengenai amalan Peguam Syarie yang lain atau bagi pihak Peguam Syarie yang lain.

### **Kandungan publisiti**

5. (1) Kandungan publisiti yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah terhad kepada maklumat yang diluluskan dan tidak boleh mengandungi—

- (a) apa-apa dakwaan bahawa Peguam Syarie itu atau mana-mana Peguam Syarie yang lain yang menjalankan amalan di bawah firmanya merupakan seorang pakar perunding atau pakar dalam mana-mana bidang amalan;

- (b) apa-apa rujukan secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana kes yang Peguam Syarie itu atau mana-mana Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firmannya bertindak bagi mana-mana pihak kepada kes itu, termasuk bilangan atau kadar kes yang telah diusahakan dengan jaya olehnya atau Peguam Syarie yang lain yang menjalankan amalan di bawah firmannya, atau kepada pendapatannya atau pendapatan mana-mana Peguam Syarie yang lain yang menjalankan amalan di bawah firmannya;
- (c) pernyataan bahawa mana-mana orang tertentu merupakan atau pernah menjadi anak guamnya atau firmannya;
- (d) apa-apa pernyataan yang boleh ditafsirkan sebagai menawarkan apa-apa dorongan kepada, atau mengenakan apa-apa dures, terhadap mana-mana orang sebagai suatu cara untuk mendapatkan perniagaan profesional bagi dirinya atau firmannya;
- (e) apa-apa pernyataan yang berhubungan dengan kadar yang dikenakan olehnya atau firmannya, atau kaedah mengenakan bayaran olehnya atau oleh firmannya;
- (f) apa-apa rujukan yang berupa pujian mengenai dirinya atau firmannya, atau secara langsung atau tidak langsung menyanjung kualiti perkhidmatan profesional yang diberikan olehnya atau firmannya;
- (g) apa-apa perbandingan dengan, atau kritikan berhubung dengan, caj untuk, atau kualiti, perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Peguam Syarie atau firma yang lain; atau

(h) rujukan kepada pelantikan seseorang Peguam Syarie yang pada masa ini atau sebelum ini menjalankan amalan di bawah firmannya ke suatu jawatan kehakiman.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1)(h), seseorang Peguam Syarie yang membuat publisiti amalan firmannya boleh, dalam publisiti itu, memasukkan dalam nama firmannya nama seseorang Peguam Syarie yang sebelum ini pernah menjalankan amalan di bawah firmannya dan telah dilantik ke suatu jawatan kehakiman, jika sebelum pelantikan itu nama Peguam Syarie itu telah menjadi sebahagian daripada nama firma itu.

### **Cara membuat publisiti**

6. (1) Publisiti di bawah Kaedah-Kaedah ini tidak boleh dibuat—

- (a) dengan cara yang mungkin akan mengurangkan keyakinan awam dalam profesion guaman syarie atau dengan cara lain yang menyebabkan profesion guaman syarie dipandang hina; atau
- (b) dengan cara yang boleh dengan semunasabahnya dianggap sebagai suka menunjuk-nunjuk, menyinggung perasaan, mengelirukan, memperdayakan, tidak tepat, palsu, menimbulkan sensasi, mengganggu, menyakitkan hati atau dengan apa-apa cara lain yang boleh mencemarkan profesion guaman syarie.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), suatu publisiti dianggap sebagai mengelirukan, memperdayakan, tidak tepat atau palsu jika—

- (a) ia mengandungi suatu salah nyata fakta yang material;
- (b) ia tidak menyatakan suatu fakta yang material;
- (c) ia mengandungi apa-apa maklumat yang tidak boleh ditentusahkan dengan semunasabahnya; atau

- (d) ia mungkin mewujudkan suatu jangkaan yang tidak munasabah mengenai pencapaian apa-apa keputusan.

### **Kepala surat dan alat tulis**

7. Kepala surat atau alat tulis yang digunakan oleh seseorang Peguam Syarie atau firmannya bagi maksud profesional tidak boleh mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Peguam Syarie itu atau firmannya kecuali maklumat yang diluluskan.

### **Iklan dalam direktori undang-undang dan direktori bukan undang-undang**

8. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh membuat publisiti amalannya atau amalan firmannya dengan mengiklankannya dalam mana-mana satu atau lebih direktori undang-undang atau direktori bukan undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Iklan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah hanya mengandungi maklumat yang diluluskan.

### **Papan nama**

9. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah mempamerkan suatu papan nama di bahagian luar premis firmannya.

(2) Papan nama yang disebut dalam subkaedah (1) hanya boleh mengandungi maklumat yang diluluskan dan tidak boleh lebih besar daripada 240 sentimeter kali 150 sentimeter.

### **Direktori bangunan**

10. Seseorang Peguam Syarie boleh menyebabkan nama dan alamat firmannya disenaraikan dalam direktori bangunan firma itu.

### **Kad perniagaan**

11. (1) Seseorang Peguam Syarie hanya boleh mengedarkan kad perniagaannya sendiri atau membenarkan mana-mana pekerjanya mengedarkan kad perniagaan itu,

tetapi pengedaran sedemikian—

- (a) hendaklah dibuat dengan cara yang tidak menonjol; dan
- (b) hanya boleh dibuat dalam keadaan yang wajar bagi Peguam Syarie itu membuktikan identiti profesionalnya.

(2) Kad perniagaan yang disebut dalam subkaedah (1) hanya boleh mengandungi maklumat yang diluluskan.

### **Brosur, lembaran dan risalah**

12. Seseorang Peguam Syarie boleh mengeluarkan untuk pengedaran suatu brosur, lembaran atau risalah yang mengandungi maklumat firmanya yang diluluskan.

### **Jurnal, majalah dan surat berita**

13. Seseorang Peguam Syarie boleh mengeluarkan untuk pengedaran suatu jurnal, majalah atau surat berita yang berhubungan dengan amalan firmanya, tetapi penerbitan sedemikian hanya boleh mengandungi nota undang-undang atau makalah undang-undang dan maklumat firmanya yang diluluskan.

### **Edaran dan pameran**

14. Brosur, lembaran atau risalah yang dikeluarkan di bawah kaedah 12 dan jurnal, majalah atau surat berita yang dikeluarkan di bawah kaedah 13 tidak boleh dipamerkan kecuali dalam premis firma dan hanya boleh diedarkan kepada—

- (a) pekerja Peguam Syarie itu atau mana-mana Peguam Syarie yang lain yang menjalankan amalan di bawah firmanya;
- (b) mana-mana orang yang merupakan anak guam Peguam Syarie itu atau firmanya;
- (c) mana-mana orang yang membuat pertanyaan tanpa pujuk rayu dan *bona fide* berhubung dengan perkhidmatan profesional

yang disediakan oleh Peguam Syarie itu atau firmannya; atau

- (d) mana-mana orang yang dengannya Peguam Syarie itu mempunyai urusan profesional.

### **Notis**

15. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh menyiarkan dalam mana-mana surat khabar, surat berita atau jurnal undang-undang Syariah atau menghantar kepada mana-mana orang yang merupakan anak guamnya atau firmannya atau orang yang dengannya Peguam Syarie itu mempunyai urusan profesional, suatu notis bagi maksud untuk menyampaikan maklumat mengenai—

- (a) permulaan atau pembubaran amalannya;
- (b) penggabungan atau penyekutuan amalannya dengan amalan mana-mana Peguam Syarie atau firma yang lain;
- (c) pembukaan mana-mana cawangan baharu firmannya;
- (d) penerimaan masuk, penarikan diri, persaraan, penamatan atau peletakan jawatan mana-mana Peguam Syarie ke dalam atau daripada firmannya, atau kematian mana-mana Peguam Syarie yang menjalankan amalan di bawah firmannya;
- (e) apa-apa perubahan pada nama, alamat, nombor telefon atau faksimile, alamat elektronik atau laman sesawang, firmannya; atau
- (f) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diluluskan secara bertulis oleh Majlis Peguam Syarie.

(2) Seseorang Peguam Syarie boleh menyiarkan dalam mana-mana surat khabar, surat berita atau jurnal undang-undang Syariah suatu notis mengenai jawatan kosong di firmannya dan boleh dalam notis itu menyatakan maklumat

yang diluluskan, tetapi pernyataan itu tidak boleh bersifat sedemikian yang pada pendapat Majlis Peguam Syarie menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa dia sedang mencuba, melalui notis itu, untuk membuat publisiti mengenai amalannya atau amalan firmannya dengan cara yang tidak selaras dengan Kaedah-Kaedah ini.

### **Rekod untuk pemeriksaan**

16. Seseorang Peguam Syarie yang membuat publisiti di bawah kaedah 8, 12, 13 dan 15 hendaklah menyebabkan suatu salinan penerbitan atau notis itu disimpan di tempat utama perniagaannya selama tempoh sekurang-kurangnya dua belas bulan dari tarikh penerbitan itu, dan hendaklah, apabila diminta untuk berbuat demikian oleh Majlis Peguam Syarie, mengemukakan salinan penerbitan atau notis itu kepada Majlis Peguam Syarie untuk pemeriksaan dalam masa yang dinyatakan oleh Majlis Peguam Syarie.

### **Temu bual dengan pihak akhbar, radio dan televisyen**

17. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh, atas permintaan pihak akhbar, radio, televisyen atau media lain, bersetuju untuk ditemu bual, sama ada atas sifat profesional atau peribadinya, tetapi—

- (a) temu bual itu tidak boleh berhubung dengan apa-apa perkara atau diberikan dengan sebegitu kerap; atau
- (b) dalam temu bual itu, dia tidak boleh menyatakan atau berbuat sesuatu atau menyebabkan apa-apa dibuat,

yang, pada pendapat Majlis Peguam Syarie, menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa dia sedang mencuba, melalui temu bual itu, untuk membuat publisiti amalannya atau amalan firmannya dengan cara yang tidak selaras dengan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika seseorang Peguam Syarie ditemu bual oleh pihak akhbar, radio, televisyen atau media lain, dia tidak boleh membenarkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan dirinya atau firmannya diberi publisiti kecuali maklumat yang diluluskan.

**Penyertaan dalam seminar, persidangan, forum, dsb.**

18. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh memberikan syarahan awam atau menyertai seminar, persidangan atau forum dan dalam keadaan itu, dia tidak boleh menyatakan atau berbuat sesuatu atau menyebabkan apa-apa dibuat yang pada pendapat Majlis Peguam Syarie, menimbulkan kesimpulan yang munasabah bahawa dia sedang mencuba, melalui syarahan awam, seminar, persidangan atau forum itu untuk membuat publisiti mengenai amalannya atau amalan firmannya dengan cara yang tidak selaras dengan Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apa-apa kertas kerja yang dibentangkan oleh seseorang Peguam Syarie dalam mana-mana syarahan awam, seminar, persidangan atau forum di bawah subkaedah (1) boleh—

(a) dikeluarkan semula dan diedarkan kepada peserta dalam syarahan awam, seminar, persidangan atau forum itu; atau

(b) diedarkan mengikut kaedah 14,

tetapi kertas kerja itu tidak boleh mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Peguam Syarie itu atau firmannya kecuali maklumat yang diluluskan.

**Kad ucapan**

19. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh, pada apa-apa keadaan istimewa, menghantar kad ucapan kepada—

(a) mana-mana orang yang merupakan anak guamnya atau anak guam firmannya; atau

(b) mana-mana orang yang dengannya dia mempunyai urusan profesional.

(2) Kad ucapan yang disebut dalam subkaedah (1) boleh, selain mesej dalam ucapan itu, mengandungi maklumat yang diluluskan.

(3) Peguam Syarie tidak boleh menghantar ucapan kepada mana-mana orang bagi apa-apa keadaan dengan menyiarkan ucapan itu dalam apa-apa bentuk dalam mana-mana surat khabar, jurnal atau penerbitan lain.

### **Publisiti anak guam**

20. (1) Tertakluk pada subkaedah (2), Peguam Syarie tidak boleh membenarkan publisiti dibuat mengenai amalannya atau amalan firmannya oleh anak guamnya atau firmannya.

(2) Seseorang Peguam Syarie atau firmannya boleh dinamakan dalam—

(a) prospektus atau laporan tahunan sesuatu syarikat yang merupakan anak guam Peguam Syarie itu atau firmannya; atau

(b) apa-apa dokumen lain yang disediakan oleh anak guam Peguam Syarie itu atau firmannya yang telah diluluskan secara bertulis oleh Majlis Peguam Syarie.

(3) Jika seseorang Peguam Syarie memasukkan sesuatu iklan dalam mana-mana surat khabar, jurnal atau penerbitan lain bagi pihak seseorang yang merupakan anak guamnya atau firmannya, iklan itu tidak boleh mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan Peguam Syarie itu atau firmannya, kecuali—

(a) nama Peguam Syarie itu; dan

(b) nama, alamat, nombor telefon dan faksimile, alamat elektronik dan laman sesawang firmannya.

### **Buku, dsb., yang ditulis oleh Peguam Syarie**

21. Maklumat yang berhubungan dengan seseorang Peguam Syarie atau firmannya tidak boleh dinyatakan dalam buku, surat atau makalah yang diniatkan untuk diterbitkan yang ditulis atau disumbang oleh Peguam Syarie itu kecuali maklumat yang diluluskan.

**Nasihat guaman percuma**

22. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh memberi nasihat guaman percuma kepada seseorang di sesuatu klinik bantuan guaman, sama ada yang ditubuhkan oleh Majlis Peguam Syarie atau selainnya, dengan tujuan untuk memberikan bantuan guaman kepada orang awam, tetapi Peguam Syarie itu tidak boleh—

- (a) mendedahkan nama firmanya;
- (b) mengedarkan apa-apa kad perniagaannya atau apa-apa brosur, lembaran, risalah, jurnal, majalah atau surat berita yang berhubungan dengan amalannya atau amalan firmanya; atau
- (c) bertindak bagi orang yang kepadanya dia telah memberikan nasihat guaman percuma sedemikian.

(2) Seseorang Peguam Syarie boleh memberikan nasihat guaman percuma kepada orang awam dengan menyumbangkan makalah atau surat untuk diterbitkan dalam mana-mana surat khabar, jurnal atau penerbitan lain, tetapi Peguam Syarie itu tidak boleh membenarkan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan dirinya atau firmanya, kecuali maklumat mengenai namanya dan fakta bahawa dia merupakan seorang Peguam Syarie, dinyatakan dalam makalah atau surat itu, atau diterbitkan dalam surat khabar, jurnal atau penerbitan lain yang dalamnya diterbitkan makalah atau surat itu.

**Tanggungjawab Peguam Syarie berhubung dengan publisiti mengenainya**

23. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah, setakat yang publisiti itu adalah atau patut berada di bawah kawalannya, memastikan bahawa apa-apa publisiti yang berhubungan dengan amalannya atau amalan firmanya dibuat mengikut Kaedah-Kaedah ini, sama ada publisiti itu dibuat olehnya, pekerjaanya atau mana-mana orang lain bagi pihaknya.

(2) Jika seseorang Peguam Syarie menyedari apa-apa ketidaksopanan dalam mana-mana publisiti yang berhubungan dengan amalannya atau amalan firmanya,

dia hendaklah, setakat yang publisiti itu adalah atau patut berada di bawah kawalannya, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk membetulkan atau menarik balik publisiti itu dan dia hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa Majlis Peguam Syarie dimaklumkan secara bertulis tentang perkara itu.

(3) Jika Majlis Peguam Syarie mendapati bahawa mana-mana publisiti yang berhubungan dengan amalan seseorang Peguam Syarie atau firmannya bertentangan dengan Kaedah-Kaedah ini, Majlis Peguam Syarie boleh, tanpa menjejaskan kuasanya di bawah Akta, selepas siasatan yang sewajarnya, memerintahkan Peguam Syarie itu atau firmannya, atau kedua-duanya untuk mengubah, mengubahsuaikan, menarik balik, menghapuskan atau menghentikan publisiti itu.

(4) Tanggungjawab seseorang Peguam Syarie di bawah kaedah ini tidak boleh diwakilkan.

Dibuat 30 Mei 2024  
[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764/JLD.2]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR  
*Pegerusi Majlis Peguam Syarie*

Diluluskan 7 Jun 2024  
[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764/JLD.2]

DATUK DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Hal Ehwal Agama)*

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) (ETIQUETTE OF PUBLICIZING)  
RULES 2024

---

ARRANGEMENT OF RULES

---

Rule

1. Citation
2. Interpretation
3. Approved information
4. Publicizing the practise of *Peguam Syarie*
5. Contents of publicity
6. Manner of publicizing
7. Letterhead and stationery
8. Advertisements in legal and non-legal directories
9. Nameplate
10. Building directory
11. Business card
12. Brochure, leaflet and pamphlet
13. Journal, magazine and newsletter
14. Distribution and display
15. Notice
16. Records for inspection
17. Interviews with press, radio and television
18. Participation in seminar, conference, forum, etc.
19. Greeting card
20. Client's publicity
21. Books, etc., written by *Peguam Syarie*
22. Free legal advice
23. Responsibility of *Peguam Syarie* in relation to publicity concerning him

*SYARIE* LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

*SYARIE* LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) (ETIQUETTE OF PUBLICIZING)  
RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [Act 814], the *Majlis Peguam Syarie*, with the approval of the Minister, makes the following rules:

**Citation**

1. These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Etiquette of Publicizing) Rules 2024**.

**Interpretation**

2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“firm” means a sole proprietorship or a partnership of *Peguam Syarie*;

“approved information” means the information approved under rule 3;

“publicize” means notification to the public by any means, including by—

- (a) an advertisement placed in any newspaper, journal, magazine, book, booklet, directory or other publication;
- (b) an advertisement contained in any letter, brochure, bulletin, business card, leaflet, nameplate, newsletter, notice, pamphlet, letterhead or stationery used for professional purposes; or
- (c) an advertisement posted on, uploaded in or transmitted through any electronic media accessible to the public or to any section of the public.

**Approved information**

3. (1) For the purposes of publicity under these Rules, the approved information shall be as follows:

- (a) name of the firm;
- (b) address of the firm;
- (c) telephone and facsimile number, electronic address and website of the firm;
- (d) business hours of the firm;
- (e) year in which the firm or its predecessor in title was established;
- (f) merger or association of that firm with any other firm, whether in Malaysia or elsewhere;
- (g) historical data of the firm or its predecessor in title;
- (h) designation "*Peguam Syarie*" or "consultant";
- (i) area of practice engaged in by the firm or by the *Peguam Syarie* practising under the firm;
- (j) language proficiency of the *Peguam Syarie* practising under the firm;
- (k) name of the *Peguam Syarie* practising under the firm and whether he is a sole proprietor, partner or consultant of that firm;
- (l) year of admission as a *Peguam Syarie* of the *Peguam Syarie* practising under the firm and whether he has been admitted

as a *Peguam Syarie* in another jurisdiction; and

- (m) academic and professional qualifications of the *Peguam Syarie* practising under the firm, and any award, decoration, merit or title conferred upon him.

(2) Notwithstanding subrule (1), the *Majlis Peguam Syarie* may, on written application of any *Peguam Syarie*, approve any other information as it thinks appropriate.

#### **Publicizing the practise of *Peguam Syarie***

4. A *Peguam Syarie* may publicize, and may allow any of his employees or any other person to publicize, his practice and the practice of his firm but shall not publicize the practice of the other *Peguam Syarie* or on behalf of the other *Peguam Syarie*.

#### **Contents of publicity**

5. (1) The contents of the publicity made under these Rules shall be limited to the approved information and shall not contain—

- (a) any claim that the *Peguam Syarie* or any other *Peguam Syarie* practising under his firm is a specialist or expert in any area of practice;
- (b) any direct or indirect reference to any case which the *Peguam Syarie* or any *Peguam Syarie* practising under his firm had acted for any party to the case, including the number or proportion of cases that have been successfully undertaken by him or other *Peguam Syarie* practising under his firm, or to his earnings or the earnings of any other *Peguam Syarie* practising under his firm;
- (c) statement that any particular person is or has been his or his firm's client;

- (d) any statement that would be construed as offering any inducement to, or imposing any duress, upon any person as a means of obtaining professional business for himself or his firm;
- (e) any statement relating to the rates charged by him or his firm, or to his or his firm's methods of charging;
- (f) any laudatory references to himself or his firm, or directly or indirectly extol the quality of the professional services provided by him or his firm;
- (g) any comparison with, or criticism in relation to, the charges for, or the quality of, services provided by any other *Peguan Syarie* or firm; or
- (h) reference to the appointment of a *Peguan Syarie* currently or previously practising under his firm to a judicial office.

(2) Without prejudice to paragraph (1)(h), a *Peguan Syarie* who publicizes the practice of his firm may, in the publicity, include in the name of his firm the name of a *Peguan Syarie* who had been previously practising under his firm and who has been appointed to a judicial office, where prior to that appointment such name was part of the name of the firm.

### **Manner of publicizing**

6. (1) The publicity under these Rules shall not be made—
- (a) in a manner as will be likely to diminish public confidence in the *syarie* legal profession or otherwise bring the *syarie* legal profession into disrepute; or
  - (b) in a manner as may reasonably be regarded as being ostentatious, in bad taste, misleading, deceptive, inaccurate, false, sensational,

intrusive, offensive or in any other way may tarnish *syarie* legal profession.

(2) For the purposes of paragraph (1)(b), a publicity shall be regarded as misleading, deceptive, inaccurate or false if—

- (a) it contains a material misrepresentation of fact;
- (b) it omits to state a material fact;
- (c) it contains any information which cannot be reasonably verified; or
- (d) it is likely to create an unreasonable expectation on the achievement of any result.

#### **Letterhead and stationery**

7. A letterhead or stationery used by a *Peguam Syarie* or his firm for professional purposes shall not contain any information relating to the *Peguam Syarie* or his firm except approved information.

#### **Advertisements in legal and non-legal directories**

8. (1) A *Peguam Syarie* may publicize his practice or the practice of his firm by advertising it in any one or more of the legal or non-legal directories approved by the *Majlis Peguam Syarie*.

(2) The advertisement referred to in subrule (1) shall only contain the approved information.

#### **Nameplate**

9. (1) A *Peguam Syarie* shall display a nameplate on the outside of the premise of his firm.

(2) The nameplate referred to in subrule (1) shall only contain the approved information and shall not be larger than 240 centimetres by 150 centimetres.

**Building directory**

10. A *Peguam Syarie* may cause the name and address of his firm to be listed in the building directory of the firm.

**Business card**

11. (1) A *Peguam Syarie* shall only distribute his business card by himself or may allow any of his employees to distribute the same, but such distribution—

(a) shall be done discreetly; and

(b) shall only be done on proper occasions for the *Peguam Syarie* to establish his professional identity.

(2) The business cards referred to in subrule (1) shall only contain the approved information.

**Brochure, leaflet and pamphlet**

12. A *Peguam Syarie* may produce for distribution a brochure, leaflet or pamphlet containing approved information of his firm.

**Journal, magazine and newsletter**

13. A *Peguam Syarie* may produce for distribution a journal, magazine or newsletter relating to the practise of his firm, but such publication shall only contain law notes or legal article and approved information of his firm.

**Distribution and display**

14. The brochure, leaflet or pamphlet produced under rule 12 and the journal, magazine or newsletter produce under rule 13 shall not be put on display except within the premises of the firm and may only be distributed to—

- (a) the *Peguam Syarie's* employees or any other *Peguam Syarie* practising under his firm;
- (b) any person who is the client of the *Peguam Syarie* or his firm;
- (c) any person making unsolicited and *bona fide* enquiries in relation to the professional services provided by the *Peguam Syarie* or his firm;  
or
- (d) any person with whom the *Peguam Syarie* has professional dealings.

**Notice**

15. (1) A *Peguam Syarie* may publish in any newspaper, newsletter or Syariah law journal or send to any person who is his or his firm's client or with whom he has professional dealings, a notice for the purpose of conveying information regarding—

- (a) the commencement or dissolution of his practice;
- (b) the merger or association of his practice with the practice of any other *Peguam Syarie* or firm;
- (c) the opening of any new branch of his firm;
- (d) the admission, withdrawal, retirement, termination or resignation of any *Peguam Syarie* to or from his firm, or the death of any *Peguam Syarie* practising under his firm;
- (e) any change in the name, address, telephone or facsimile numbers, electronic address or website, of his firm; or
- (f) such other matters as may be approved in writing by the *Majlis Peguam Syarie*.

(2) A *Peguam Syarie* may publish in any newspaper, newsletter or Syariah law journal a notice regarding a vacant position in his firm and may in that notice state approved information, but the statement shall not of such a nature which in the opinion of the *Majlis Peguam Syarie* give rise to a reasonable inference that he is attempting, through the notice, to publicize his practice or the practice of his firm in a manner inconsistent with these Rules.

### **Records for inspection**

16. A *Peguam Syarie* who publicise under rules 8, 12, 13 and 15 shall cause a copy of the publication or notice to be kept at his principal place of business for a period of at least twelve months from the date of its publication, and shall, upon being requested to do so by the *Majlis Peguam Syarie*, produce a copy of the publication or notice to the *Majlis Peguam Syarie* for inspection within the time as specified by the *Majlis Peguam Syarie*.

### **Interviews with press, radio and television**

17. (1) A *Peguam Syarie* may, at the request of the press, radio, television or other media, consent to be interviewed, whether in his professional or private capacity, but—

(a) the interview shall not be in relation to any matter or be given with such frequency; or

(b) at the interview, he shall not say or do anything or cause anything to be done,

which, in the opinion of the *Majlis Peguam Syarie*, give rise to a reasonable inference that he is attempting, through the interview, to publicize his practice or the practice of his firm in a manner inconsistent with these Rules.

(2) Where a *Peguam Syarie* is interviewed by the press, radio, television or other media, he shall not allow any information relating to himself or his firm to be publicized except approved information.

**Participation in seminar, conference, forum, etc.**

18. (1) A *Peguam Syarie* may give public lectures or participate in seminars, conferences or forums and on such occasions, he shall not say or do anything or cause anything to be done which, in the opinion of the *Majlis Peguam Syarie*, give rise to a reasonable inference that he is attempting, through the public lectures, seminars, conferences or forums to publicize his practice or the practice of his firm in a manner inconsistent with these Rules.

(2) Any paper presented by a *Peguam Syarie* at any public lectures, seminars, conferences or forums under subrule (1) may—

(a) be reproduced and distributed to the participants at the public lectures, seminars, conferences or forums; or

(b) be distributed in accordance with rule 14,

but the paper shall not contain any information relating to the *Peguam Syarie* or his firm except approved information.

**Greeting card**

19. (1) A *Peguam Syarie* may, on any special occasion, send greeting cards to—

(a) any person who is his or his firm's client; or

(b) any person with whom he has professional dealings.

(2) The greeting card referred to in subrule (1) may, apart from the message of the greeting, contain approved information.

(3) *Peguam Syarie* shall not send greetings to anyone for any occasion by publishing the greetings in any form in any newspaper, journal or other publication.

**Client's publicity**

20. (1) Subject to subrule (2), *Peguam Syarie* shall not allow his practice or the practice of his firm to be publicized by his or his firm's client.

(2) A *Peguam Syarie* or his firm may be named in—

(a) the prospectus or annual report of a company who is a client of the *Peguam Syarie* or his firm; or

(b) such other documents prepared by the client of the *Peguam Syarie* or his firm that have been approved in writing by the *Majlis Peguam Syarie*.

(3) Where a *Peguam Syarie* places an advertisement in any newspaper, journal or other publication on behalf of a person who is his or his firm's client, that advertisement shall not contain any information relating to the *Peguam Syarie* or his firm, except—

(a) the name of the *Peguam Syarie*; and

(b) the name, address, telephone and facsimile number, electronic address and website of his firm.

**Books, etc., written by *Peguam Syarie***

21. The information relating to a *Peguam Syarie* or his firm shall not be stated in the book, letter or article which are intended to be published written or contributed by the *Peguam Syarie* except approved information.

**Free legal advice**

22. (1) A *Peguam Syarie* may give free legal advice to a person at a legal aid clinic, whether set up by the *Majlis Peguam Syarie* or otherwise, with a view to providing legal assistance to members of the public, but the *Peguam Syarie* shall not—

- (a) disclose the name of his firm;
- (b) distribute any of his business cards or any brochure, leaflet, pamphlet, journal, magazine or newsletter relating to his practice or the practice of his firm; or
- (c) act for a person to whom he has given such free legal advice.

(2) A *Peguam Syarie* may give free legal advice to the public by contributing an article or letter for publication in any newspaper, journal or other publication, but the *Peguam Syarie* shall not permit any information relating to himself or his firm, except that of his name and the fact that he is a *Peguam Syarie*, to be stated in the article or letter, or to be published in the newspaper, journal or other publication in which the article or letter is published.

**Responsibility of *Peguam Syarie* in relation to publicity concerning him**

23. (1) A *Peguam Syarie* shall, in so far as it is or should be under his control, ensure that any publicity relating to his practice or the practice of his firm is done in accordance with these Rules, whether such publicity is done by him, his employee or any other person on his behalf.

(2) Where a *Peguam Syarie* becomes aware of any impropriety in any publicity relating to his practice or the practice of his firm, he shall, in so far as it is or should be under his control, use his best endeavours to rectify or withdraw the publicity and he shall at all times ensure that the *Majlis Peguam Syarie* is informed in writing about the matter.

(3) Where it appears to the *Majlis Peguam Syarie* that any publicity relating to the practise of a *Peguam Syarie* or his firm is contrary to these Rules, the *Majlis Peguam Syarie* may, without prejudice to its powers under the Act, after due inquiry, order the *Peguam Syarie* or his firm, or both to alter, modify, withdraw, remove or discontinue the publicity.

- (4) The responsibility of a *Peguam Syarie* under this rule shall not be delegable.

Made 30 May 2024

[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764/JLD.2]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR  
*Chairman of the Majlis Peguam Syarie*

Approved 7 June 2024

[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764/JLD.2]

DATUK DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR  
*Minister in the Prime Minister's Department  
(Religious Affairs)*